

bminggu@bh.com.my

# PERSPEKTIF



Dunia Durian Kimchi  
Muka 33



Benarkah Panglima Awang orang pertama mengelilingi dunia?  
Muka 35

24/05.00.04 / m/s 31

**Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi**  
bhnews@bh.com.my

**Hujan** dan angin kuat secara tiba-tiba menyebabkan ombak tinggi ketika berada kira-kira puluhan batu nautika dari daratan memberi cabaran yang bukan sedikit.

Sebaliknya, bagi penggemar sukan pelayaran mereka harungi juga dengan strategi tangkas kerana ada kala gelora ombak mengganas sehingga boleh mengancam nyawa, mengelak terjatuh ke laut, kapal terbalik atau karam, jika tersilap percaturan.

Berdepan cuaca tiba-tiba tidak menentu di tengah samudera luas terbentang memerlukan keampuhan mental dan fizikal kendalikan kapal sepanjang 7.5 meter.

Walaupun, pada awalnya sudah mengetahui meneliti ramalan cuaca dan membaca arah angin, namun

kuasa alam semula jadi, siapa yang tahu. Di Malaysia sukan pelayaran bukan sukan baharu, malah ramai yang sudah berjaya menempa nama di persada dunia termasuk kalangan peserta muda, sejak beberapa tahun lalu.

**Jatuh dalam laut ketika pertandingan**  
Bagi Nur Ainul Izzati Zil Husham, 22, melalui pelbagai cabaran sebelum mampu mengharumkan nama negara dalam sukan pelayaran itu.

Insiden paling buruk pernah dialami, dia pernah terjatuh ke dalam laut ketika menyertai pertandingan sukan pelayaran di Bahrain, namun tidak melunturkan semangat juangnya.

Malah, dia juga penyumbang kepada kejayaan pasukan Pelayar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ketika mewakili Malaysia berjaya dalam beberapa kejohanan.

"Antaranya, kami pernah mendapat

tempat kedua bagi kategori *Match Race* dan tempat ketiga kategori *Fleet Race* dalam kejohanan Kapal Layar *Kingdom Fleet & Match Race* itu yang berlangsung di Bahrain Sailing Club; Al Jazeera Beach, Zallaq, Kingdom of Bahrain, pada Disember tahun lalu," katanya.

Menceritakan pengalaman terjatuh ke dalam laut, Nur Ainul Izzati ketika itu bersama empat ahli pasukannya baru beberapa minit memulakan pertandingan yang antaranya disertai pasukan dari Perancis dan Bahrain.

"Tiba-tiba cuaca berubah apabila angin semakin kuat dan ombak semakin besar hingga saya hilang kawalan dan terjatuh ke dalam laut yang sangat dalam dengan keadaan


air yang sejuk.

"Dalam keadaan sukar, saya tidak panik dan kekal tenang naik untuk melonjakkan tubuh ke permukaan laut dan terapung-apung menunggu rakan pasukan berpatah balik.

"Syukur... walaupun hanya Tuhan saja yang tahu perasaan saya ketika berada di tengah Laut Al Zallaq, Bahrain.

"Insiden itu tak menghalang kami meneruskan pertandingan dan berakhir dengan membawa

pulang dua pingat untuk negara," katanya juga pelajar Tahun Dua Ijazah Sarjana Muda Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim, UMT.



Nur Ainul Izzati

Pasukan pelayaran UMT yang dijemput menyertai Pertandingan RLIR 2024 anjuran Tentera Laut. (Foto ihsan UMT)

Lihat muka 32

## Handal kendali layar di lautan

Hujan, angin, ombak mengganas dalam sukan pelayaran cabaran di tengah samudera

